

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada formula bantuan untuk mangsa-mangsa banjir boleh ditentukan standard minima sama ada dalam bentuk kewangan ataupun barang-barang seperti beras, tin sardin, ubat mahupun bantal atau selimut supaya dengan adanya standard minima ini pemberian pakej untuk mangsa-mangsa banjir disampaikan dengan cepat dan terbuka dan mengelakkan daripada kekeliruan kerana persepsi orang ramai melihat bahawa standard pakej bantuan yang dihulurkan di Semenanjung berbeza apa yang dihulurkan di Sabah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyaluran bantuan kepada mangsa banjir disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bantuan yang disalurkan adalah bantuan pemulihan jangka pendek di pusat pemindahan dan bantuan pemulihan jangka panjang.

Bantuan pemulihan jangka pendek meliputi bantuan barangan keperluan dan bantuan makanan. Peruntukan bagi bekalan makanan dan barangan keperluan ini disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Bagi barangan keperluan bencana, pihak JKJ telah menetapkan standard minima sepertimana dalam Peraturan Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Bencana JKJ iaitu meliputi keperluan asas dan *hygiene kit*. Manakala bagi bantuan makanan pula, JKJ juga telah menyenaraikan bahan makanan asas yang perlu dibekalkan di pusat pemindahan dan catuan makanan tambahan lain seperti ikan, ayam, daging dan lain-lain makanan yang bersesuaian boleh dibekalkan terus oleh pembekal yang dilantik. Walau bagaimanapun kadar harga catuan makanan bagi seorang mangsa adalah berbeza antara negeri kerana ianya tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

Bagi bantuan pemulihan jangka panjang iaitu bantuan kewangan, penetapan sama ada diberikan bantuan wang ehsan atau bantuan

pemulihan JKM adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP). Pada masa kini, bagi bencana banjir bantuan wang ehsan disalurkan melalui Majlis Keselamatan Negara.

Standard minima tersebut telah digunapakai di semua negeri termasuk di negeri Sabah dan MKN dan JKM tidak mengamalkan diskriminasi dalam penyediaan dan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.